

**P.H. -2 JAN 1973**

**KUALA LUMPUR, Isnin.**

**F**IMA akan mendirikan kilang mengeluarkan tin-tin yang kedua di Prai, demikian dinyatakan oleh Pengerusi barunya, Dr. Mahathir bin Mohamed di sini hari ini.

Kilang pertamanya, Malaysian Can Company di Johor pada masa ini membekal 50 juta tin setahun terutamanya kepada Syarikat Pengetin Nenas Malaya yang juga kepunyaan FIMA.

Syarikat itu telah ditubuhkan dalam tahun 1963 dengan modal \$10 juta.

Dr. Mahathir berkata, penubuhan kilang kedua ini ialah untuk memecahkan monopoli setengah-setengah syarikat yang terkemuka yang tidak dapat membekal kepada pihak-pihak kecil.

Kilang tin di Johor boleh membekal keluarganya kepada industri-industri yang bersangkutan dengan pengeluaran barang-barang makanan.

Jentera-jentera untuk kilang itu telah pun dipesan.

### **Expot nenas**

Menyentuh tentang Syarikat Pengetin Nenas, Dr. Mahathir menyatakan Malaysia telah menjual nenas-nenas tin berjumlah \$45 juta tahun lalu.

Saham Syarikat Pengetin Nenas Malaya berjumlah \$15 juta dari jumlah jualan.

FIMA telah mengkaji sebab-sebab mengapa kilang itu tidak dapat membuat keuntungan. Kemungkinannya ialah perbelanjaan pengeluaran tinggi dan kenaikan harga gula dan kepingan tin di kebelakangan ini.